KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

1,098 PELAJAR SPM MRSM BERJAYA MEMPEROLEHI SEMUA A

Kuala Lumpur - Seramai 8095 calon dari 53 buah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di seluruh Malaysia telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020. Pada tahun ini, MRSM telah mencatat kejayaan dengan mencapai 100% gred lulus dalam semua mata pelajaran.

Pencapaian SPM 2020 menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan bilangan calon yang mendapat semua A (A+, A dan A-) dalam SPM 2020 adalah seramai 1098 orang berbanding 761 orang pada tahun 2019. Manakala bilangan calon yang memperoleh semua A+ adalah seramai 22 orang.

Lapan (8) buah MRSM menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan GPM kurang daripada 2.0 iaitu MRSM Tun Ghafar Baba, MRSM Langkawi, MRSM Taiping, MRSM Alor Gajah, MRSM Kuala Kubu Bharu, MRSM Johor Bahru, MRSM Kuantan dan MRSM Pengkalan Hulu.

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 bagi Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) mencatatkan indeks Gred Purata Maktab (GPM) 2.359. Keputusan ini menunjukkan peningkatan prestasi berbanding SPM 2019 (2.538) dan SPM 2018 (2.458).

Subjek Teras dalam SPM 2020 iaitu Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Matematik menunjukkan peningkatan Gred Purata Subjek (GPS) berbanding SPM 2019. Di samping itu, pencapaian subjek STEM *(Science, Technology, Engineering and Mathematics)* dalam SPM 2020 juga menunjukkan peningkatan GPS bagi subjek Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, Lukisan Kejuruteraan, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan Reka Cipta. Selain itu subjek Elektif lain seperti Prinsip Perakaunan, Tasawwur Islam, Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah dan Ekonomi juga menunjukkan peningkatan dari segi GPS.

Komitmen pengurusan MARA dan MRSM serta semua warga guru memainkan peranan besar dalam kejayaan SPM 2020. Sinergi semua pihak dalam memastikan segala program yang disusun berjalan lancar walaupun dalam keadaan pandemik COVID19.

MARA akan terus komited untuk meningkatkan prestasi akademik calon-calon SPM tahun 2021. Antara inisiatif yang telah diambil ialah menetapkan pakej mata pelajaran dengan memberi fokus kepada bilangan maksimum subjek yang diambil serta menyusun semula

peruntukan sela masa bagi subjek-subjek *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics* (STEM).

-TAMAT-

YB DATUK DR. ABD. LATIFF AHMAD
Menteri Pembangunan Luar Bandar

4 JUN 2021